



JABATAN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

SEBUTHARGA NO : **JSANK/K/10/2022**

BERTARIKH : **07 JULAI 2022**

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam **Gred G1, Kategori CE, Pengkhususan CE20, CE21 dan CE33** serta dimiliki **100%** oleh rakyat tempatan, berdaftar dengan Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan dan yang masih lagi dibenarkan untuk membuat kerja-kerja sebutbarga di bawah ini:


PROJEK KHAS BEKALAN AIR (PKBA) KEPADA PENDUDUK LUAR BANDAR SERTA KERJA BERKAITAN FASA SATU SELURUH NEGERI KELANTAN BAGI TAHUN 2022 : KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN SISTEM BEKALAN AIR KOMUNITI SERTA KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN DI KUALA KRAI MINI ZOO – PARLIMEN KUALA KRAI.

2. Dokumen sebutbarga boleh diperolehi dari **JABATAN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN** mulai dari **19hb. Julai 2022 (Selasa)** hingga **24hb. Julai 2022 (Ahad)** [dari jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang bagi hari **Ahad hingga Rabu**] manakala [dari jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengahari bagi hari **Khamis**] pada waktu pejabat. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai tawaran sebutbarga di atas hendaklah membawa sijil pendaftaran **ASAL** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).
3. Borang sebutbarga dijual dengan harga **RM30.00** satu set. Bayaran boleh dibuat secara **tunai** atau **Wang Pos** yang dibuat atas nama **PENGARAH JABATAN SUMBER AIR NEGERI KELANTAN**.
4. Kontraktor yang berminat adalah **diwajibkan untuk menyertai satu lawatan ke tapak bina** yang akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : **18hb. Julai 2022 (Isnin)**
Masa : **10.00 pagi**
Tempat berkumpul : **Kuala Krai Mini Zoo,
18000 Kuala Krai, Kelantan.
Koordinat (5.537253, 102.197356)**

5. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah/tinggi ataupun mana-mana tawaran.
6. Borang sebutbarga yang telah diisi dengan lengkap dan dimeterikan di dalam sampul surat yang bertulis No. Sebutbarga di sudut kiri sebelah atas sampul surat, hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutbarga di Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan, Aras Bawah, Blok 4, Kompleks Kota Darulnaim tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari pada 25hb. Julai 2022 (Isnin)**.

**PERHATIAN !!!
BORANG SEBUTHARGA TIDAK AKAN
DIKELUARKAN PADA HARI IKLAN DITUTUP**


(TENGKU SHARIFUDDIN BIN DATO' TENGKU SHAH BUDDIN)
Pengarah,
Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan.